



**FELCRA JAYAPUTRA SDN BHD
(KILANG KELAPA SAWIT JAYAPUTRA)**


POLISI KEMASYARAKATAN DAN HAK ASASI MANUSIA

FELCRA Jayapura Sdn. Bhd. akan sentiasa memastikan bukan sahaja menghasilkan produk yang berkualiti namun turut memastikan persekitaran kerja yang kondusif, adil dan bermanfaat kepada semua pekerja. Kami juga mengiktiraf bahawa hak asasi manusia dan hubungan kemasyarakatan yang harmoni diantara pekerja, kontraktor dan komuniti setempat perlulah dihormati dan dipelihara.

Seiring dengan Perlembagaan Persekutuan, Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Agenda Pekerjaan Layak oleh ILO, kami komited untuk menggalakkan dan melindungi prinsip-prinsip berikut:

- **Pematuhan kepada undang-undang dan peraturan buruh** yang berkaitan di peringkat nasional dan antarabangsa.
- **Bebas daripada diskriminasi atau prejudis** berdasarkan jantina, bangsa, agama, kewarganegaraan, orientasi politik atau latar belakang sosial.
- **Tidak mengamalkan buruh paksa atau pemerdagangan manusia** dalam sebarang bentuk.
- **Tidak menggaji pekerja di bawah umur 18 tahun**
- **Pembayaran gaji secara adil**, mematuhi Perintah Gaji Minimum serta memastikan gaji yang mampu menampung keperluan hidup asas.
- **Mengiktiraf hak pekerja untuk bersuara**, menyuarakan pendapat secara bebas, serta memberi ruang kepada proses aduan dan komunikasi dua hala.
- **Menghormati kebebasan hak untuk menyertai kesatuan sekerja**, tanpa sebarang halangan atau tekanan.
- **Memberi orientasi yang sesuai kepada pekerja baharu**, agar mereka faham akan hak, tanggungjawab dan budaya kerja syarikat.
- **Menyediakan kemudahan kediaman yang selamat dan bersesuaian** mengikut keperluan undang-undang dan standard kebajikan pekerja.
- **Menghormati amalan sosial dan budaya komuniti setempat**, serta mematuhi hak milik tanah, syarat guna tanah dan prinsip pemeliharaan sumber semula jadi.
- **Komitmen untuk menangani dan menyelesaikan sebarang konflik sosial** secara aman dan profesional.

Sasaran kami adalah untuk memastikan pengeluaran minyak sawit yang mampan tanpa prejudis dalam aspek sosial dengan berdasarkan penambahbaikan berterusan dan pendekatan yang sistematik.


PENGARAH URUSAN
(LIEW TEEN CHAI)

TARIKH: 2HB MEI 2025